

NEWSLETTER

www.dosm.gov.my

DOSM/BKS/3.2022/SIRI56

MAJLIS PELANCARAN PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL DUN & PENEMUAN UTAMA BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020: DAERAH PENTADBIRAN

Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan diiringi oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci 2020. Turut hadir adalah YB Dato' Haji Abdullah bin Ya'kub, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan yang mewakili YAB Menteri Besar Kelantan. Majlis ini telah dihadiri seramai 450 orang jemputan.

P.030 JELI





NEWSLETTER

Persediaan Majlis Pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran

28 Mei 2022



Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Jeli, Kelantan



Majlis Pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran

Data Banci Membentuk Masa Depan Daerah & DUN

29 Mei 2022  Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Jeli, Kelantan



UCAPAN PENGHARGAAN

DOSM mengucapkan **terima kasih** atas kerjasama menyeluruh daripada semua pihak dalam menjayakan Majlis Pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN dan Penerbitan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran yang telah diadakan di Maktab Rendah Sains MARA Jeli, Kelantan pada 29 Mei 2022.

NEWSLETTER

Penglibatan DOSM dalam Pameran/Booth Semasa Hari Pelancaran



**BAHAGIAN PERANGKAAAN
PENDUDUK DEMOGRAFI**

**BAHAGIAN PERANGKAAAN KOMUNIKASI
STRATEGIK & ANTARABANGSA**

DOSM KELANTAN



Penglibatan Agensi Kerajaan & Swasta dalam Pameran/Booth Semasa Hari Pelancaran

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

JABATAN UKUR & PEMETAAN

PERKESO



NEWSLETTER

Ringkasan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020

Daerah Pentadbiran memuatkan statistik utama di peringkat geografi yang lebih kecil iaitu:



Penerbitan ini meliputi 12 statistik sosioekonomi antaranya Penduduk, Perumahan, Tenaga Buruh, Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas.

STATISTIK SUBNASIONAL



PARLIMEN
222

DUN
600

STATISTIK PARLIMEN


Parlimen P.030 Jeli

54,656 Orang

11,620 Isi Rumah

11,451 Tempat Kediaman

KAWASANKU



Menerusi kejayaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (MyCensus 2020), DOSM buat pertama kali dalam sejarah menerbitkan data populasi penduduk di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). *Dashboard* Kawasanku bertujuan untuk membolehkan rakyat, penggubal dasar dan komuniti antarabangsa menerokai set data tersebut.



NEWSLETTER

Ringkasan Penemuan Banci di Kelantan

PENDUDUK KELANTAN

Jumlah penduduk **1,792,501**  Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan **2.0%**

Warganegara

 **877,241**
97.5%



 **879,958**
98.6%

Bukan Warganegara

 **22,822**
2.5%

 **12,480**
1.4%

PENDUDUK MENGIKUT JANTINA

 **900,063**  **892,438**

Nisbah jantina:
101 lelaki bagi 100 perempuan

PENDUDUK WARGANEGARA MENGIKUT KUMPULAN ETNIK

Bumiputera **96.6%**

Cina **2.5%**

India **0.3%**

Lain-lain **0.6%**

PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR

0-14 tahun **537,095 (30.0%)**

15-64 tahun **1,141,293 (63.7%)**

65 tahun dan lebih **114,113 (6.4%)**

TARAF PERKAHWINAN (Penduduk berumur 15 tahun dan lebih)

Tidak Pernah Berkahwin

504,785

Berkahwin

647,254

Balu/Duda

72,646

Bercerai/Berpisah

19,280

AGAMA

Islam **95.5%** Buddha **2.8%**

Kristian **0.4%** Hindu **0.2%**

Lain-lain **0.2%** Tiada Agama Tidak Diketahui **0.9%**



Tempat Kediaman
430,354



Isi Rumah
363,251



Purata Saiz Isi Rumah
4.9



Bandar
44.1%



Luar Bandar
55.9%

Keratan Akhbar Siri Jelajah Banci

Liputan akhbar sepanjang Majlis Pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN & Daerah

BERITA HARIAN

Persediaan terperinci hadapi fenomena penuaan

Jeli: Kerajaan membuat persediaan terperinci dalam berdepan fenomena penuaan yang semakin meningkat di negara ini dengan mewujudkan agenda negara menua menerusi perancangan pembangunan sosioekonomi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata berdasarkan bancian dalam tempoh 10 tahun bermula 2010 hingga 2030, fenomena penuaan meningkat kepada 6.8 peratus berbanding lima peratus.

Beliau berkata, peningkatan peratusan kelompok berusia 65 tahun ke atas itu bakal menjadikan Malaysia negara tua menjelang 2030.

"Penuaan penduduk adalah trend global masa kini yang berlaku disebabkan peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kesuburan.

"Tupak negara menua merentas pelbagai sektor dan bukan hanya tertumpu kepada pengajaran

serta bekalkan warga emas saha, sebaliknya merangkumi aspek cabaran dalam kesihatan, pendidikan, kewangan, produktiviti dan guna tenaga buruh selain penggunaan teknologi yang akan menentukan pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan.

"Oleh itu, Unit Perancang Ekonomi (EPU) sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab ke atas perancangan pembangunan sosioekonomi negara jangka sederhana dan panjang untuk mewujudkan sebuah agenda negara menua," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mustapa berkata, jumlah penduduk Malaysia pada 2020 ialah 32.4 juta berbanding 27.5 juta pada 2010 dan penemuan utama mengikut daerah pentadbiran merekodkan bilangan penduduk tertinggi adalah di daerah Petaling, Selangor (2.3 juta) diikuti Johor Bahru, Johor (1.7 juta).

Perak mencatatkan peratusan penduduk tua tertinggi dengan

8.9 peratus penduduknya melebihi 65 tahun pada 2020 diikuti Perlis serta Kedah masing-masing merekodkan 7.9 peratus.

Katanya, gerak kerja agenda persediaan itu akan disokong oleh beberapa Kementerian berkaitan serta semua pihak berkepentingan selaras dengan pendekatan keseluruhan negara.

"Tujuan agenda ini adalah untuk memantapkan lagi persediaan negara dalam menghadapi negara menua menjelang 2030 secara menyeluruh," katanya.

Terdahulu, beliau juga juga Ahli Parlimen Jeli hadir di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Jeli dan menyempurnakan pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN & Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran.

Yang turut hadir, Ketua Perangkuhan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci 2020, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.



Mustapa (kanan) pada majlis pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN & Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran di MRSM Jeli, semalam. (Foto Siti Robana Idris/BH1)

THE SUN DAILY

Ageing nation plan by 2030

Govt set plans in motion since 1995 to address issue and strengthen preparedness

Malaysia's ageing population is expected to reach 6.8 per cent by 2030, according to the latest census data. The government has taken steps to address the issue and strengthen preparedness since 1995.

The ageing population is expected to reach 6.8 per cent by 2030, according to the latest census data. The government has taken steps to address the issue and strengthen preparedness since 1995.

SINAR HARIAN

Ubah dasar hadapi status negara menua pada 2030

Malaysia's ageing population is expected to reach 6.8 per cent by 2030, according to the latest census data. The government has taken steps to address the issue and strengthen preparedness since 1995.

Malaysia's ageing population is expected to reach 6.8 per cent by 2030, according to the latest census data. The government has taken steps to address the issue and strengthen preparedness since 1995.

THE BORNEO POST

Detailed breakdown to aid devt planning

Publication of subnational statistics for all 600 state constituencies to serve as reference on census information for assemblymen



From information at this detailed level, we can know the socioeconomic level of the area, the service facilities and public amenities that should meet local residents' needs.

SINAR HARIAN

Penerbitan Subnasional DUN bantu ADUN rancang strategi tingkat ekonomi

JELI: Penerbitan Subnasional Dewan Undangan Negeri (DUN) berdasarkan hasil dapatan Banci Nasional 2020 bagi daerah pentadbiran yang dilancarkan hari ini bertujuan menyempurnakan statistik ekonomi dan sosial yang komprehensif di peringkat DUN.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, penerbitan ini merupakan rujukan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan berkenaan mengenai maklumat Banci 2020 dari peringkat nasional sehingga kawasan terkecil yang menyeluruh.

Katanya, statistik Subnasional DUN diterbitkan buat pertama kalinya untuk semua 600 DUN di negara ini meliputi 12 statistik sosioekonomi antaranya penduduk, perumahan, tenaga buruh, pendapatan isi rumah dan kemudahan asas.

"Melalui maklumat di peringkat terperi ini, kita dapat mengetahui tahap sosioekonomi sesuatu kawasan dan kemudahan perkhidmatan dan fasiliti yang disediakan yang harus memenuhi keperluan penduduk setempat.

Justeru, penerbitan Statistik Subnasional DUN ini merupakan rujukan penting kepada pihak berkepentingan

dan pembuat dasar sebagai input kepada pelaksanaan keputusan, pemantauan dan penilaian keberkesanan program pembangunan negara serta penyelidikan di peringkat negeri, daerah pentadbiran, Parlimen dan DUN," katanya.

Mengulas lanjut, Mustapa yang juga Ahli Parlimen Jeli berkata, statistik yang disediakan dapat membantu dan memberi maklumat awal kepada ADUN untuk merancang strategi yang bersejuaian bagi menajam dan memberikan perkhidmatan yang terbaik di kawasan masing-masing.

"DUN N-49 Kota Iskandar, Johor mempunyai bilangan penduduk dan tempoh kediaman tertinggi iaitu masing-masing 310,000 orang dan 128,007 unit tempat kediaman, diikuti N-40 Kota Anggerik, Selangor berada di kedudukan kedua tertinggi dengan mencatatkan seramai 293,000 penduduk dengan 57,947 isi rumah dan 47,526 unit tempat kediaman.

"Oleh itu, bagi melengkapkan penemuan ini, kerajaan negeri juga dapat menggunakan data yang dikeluarkan sehingga peringkat jajahan dan mukim bagi mentadbir urus negeri dengan lebih cekap," katanya. - Bernama

HARAKAH DAILY

Malaysia menuju ke arah negara menua 2030

May 29, 2022



Malaysia's ageing population is expected to reach 6.8 per cent by 2030, according to the latest census data. The government has taken steps to address the issue and strengthen preparedness since 1995.

Malaysia's ageing population is expected to reach 6.8 per cent by 2030, according to the latest census data. The government has taken steps to address the issue and strengthen preparedness since 1995.

THE BORNEO POST

Malaysia menuju ke arah negara menua 2030

Malaysia's ageing population is expected to reach 6.8 per cent by 2030, according to the latest census data. The government has taken steps to address the issue and strengthen preparedness since 1995.